

## Dialektologi bandingan varian Hulu Terengganu: Satu analisis tinjauan literatur sistematik

Nurul Shuhada Shafie<sup>1</sup>, Shahidi A. H.<sup>1</sup>, Rahim Aman<sup>1</sup>, Muhammad Norsyafiq Zaidi<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

<sup>2</sup>Curriculum of Malay Language and Malay Studies, Prince of Songkla University, Thailand

Correspondence: Shahidi A.H. (email: zedic@ukm.edu.my)

Received: 31 March 2023; Accepted: 20 May 2023; Published: 31 May 2023

### Abstrak

Makalah ini memperihalkan tentang analisis Tinjauan Literatur Bersistematik keatas penyelidikan dialektologi bandingan varian Hulu Terengganu (VHT). Dengan memanfaatkan tiga tahap penyaringan bahan ilmiah berdasarkan model PRISMA iaitu pengenalpastian (*identification*), penapisan (*screening*), kelayakan (*eligibility*), sebanyak 20 kajian berjaya berada di tahap termasuk (*included*) untuk dianalisis dengan sistematik. Penganalisan bahan ini dilakukan untuk mencapai dua objektif iaitu mengenalpasti penemuan signifikan kajian dialektologi bandingan varian Hulu Terengganu dan meneliti kronologi perkembangan penyelidikan dialektologi bandingan varian Hulu Terengganu. Bahan ilmiah yang dihimpunkan dibahagikan kepada empat tema berdasarkan konteks kajian, metod dan dapatan kajian. Berdasarkan tema tersebut terdapat lapan unsur linguistik khas yang mewakili varian ini iaitu, pengekaln pada vokal tinggi \*i dan \*u di akhir kata, proses pendiftongan lanjutan, proses perubahan fonem \*a kepada [ɛ], penokokan konsonan sekatan, penambahan konsonan nasal diakhir kata, proses pemonoftongan konsantal dan mempunyai enam varian kata ganti nama. Bagi unsur bukan linguistik, varian Hulu Terengganu berhubungan rapat dengan dialek Hulu Semenanjung Timur dan mempunyai pengaruh luar dari dialek Pahang dan Perak. Penyelidikan dialektologi varian ini juga dikenalpasti lebih cenderung pada kajian sinkronik berbanding diakronik. Jesteru, Penyelidikan dialektologi bandingan yang khusus terhadap varian Hulu Terengganu perlu dihasilkan sebagai usaha untuk meluaskan pandangan tentang varian ini dan menambahkan kosa ilmu.

**Kata kunci:** dialektologi bandingan, dialektologi diakronik, dialektologi sinkronik, PRISMA, Tinjauan Literatur Bersistematik, varian Hulu Terengganu

## Comparative dialectology of Hulu Terengganu variant: A systematic literature review analysis

### Abstract

This paper describes the Systematic Literature Review analysis on the comparative dialectology research of the Hulu Terengganu variant. By leveraging three stage screening of research material

based on the PRISMA model namely identification, screening, eligibility, a total of 20 studies managed to get in included stage to be analysed systematically. There are two objectives to achieve, to identify the significant findings of the comparative dialectological studies of the HTV and to examine the chronology of the development in HTV dialectological research. There are four themes created based on context, method and findings of the study. Based on the theme, there are eight linguistic elements representing HTV namely, \*i and \*u retention at word-final position, advance diphthongization process, phoneme changes from \*a to [ε], consonantal monophthongization, additional stop and nasal consonant at word-final position and have six variations of pronouns. HTV is also closely related to the Hulu's dialect of the East Peninsula and has an external influence of the Pahang and Perak dialects. HTV dialectology research is identified is more likely in synchronic than diachronic studies. Comparative dialectology research specifically on HTV should be produced as an effort to broaden the point of view and knowledge of this variant.

**Keywords:** comparative dialectology, diachronic dialectology, PRISMA, synchronic dialectology Systematic Literature Review, Hulu Terengganu variant

## Pengenalan

Varian Hulu Terengganu (VHT) antara varian dialek Terengganu yang dituturkan oleh penutur Melayu Terengganu di kawasan Hulu Terengganu. Hulu Terengganu merupakan satu tempat yang menarik dalam segala hal. Bentuk fizikal geografinya yang berbukit bukau menyimpan 1001 khazanah alam menjadikan ia salah satu tempat tarikan pelancong di Terengganu. Keunikannya ditambah lagi dengan penemuan artifak sejarah yang penting kepada peradaban dan perkembangan bahasa Melayu seperti artifak batu bersurat di Kuala Berang. Keistimewaan Hulu Terengganu tidak hanya merangkumi dua aspek ini, malah varian dialek pertuturan masyarakat di sini juga dianggap berbeza dan eksotik berbanding varian dialek Terengganu yang lain.

*“The specimens of Ulu Trengganu speech which are given reveal striking dissimilarity, not only in pronunciation but also in diction.”* (Brown, 1935)

Ciri pertuturan Hulu Terengganu yang dinyatakan oleh Brown antara alasan mengapa kawasan ini menjadi kawasan popular diantara ilmuan luar dan tempatan dari pelbagai bidang. Malah penulisan terawal tentang varian ini dicatatkan sudah muncul sejak zaman kolonial lagi yang mana dihasilkan oleh pentadbir British iaitu Brown pada tahun 1935. Subdisiplin dialektologi juga antara bidang yang menunjukkan minat terhadap varian dialek yang terdapat di kawasan Hulu Terengganu. Dialektologi menurut Mahsun (1995) merupakan ilmu tentang dialek atau cabang dari linguistik yang mengkaji perbezaan isolek dengan memperlakukan perbezaan tersebut secara utuh. Mahsun (1995) mencakupkan garapan dialektologi kepada dua aspek iaitu aspek sinkronik (deskriptif) dan aspek diakronik (historis). Kedua-dua aspek ini dilihat mampu mengimbangi kajian dialektologi geografi dan historis dengan mapan. Berdasarkan hal ini, satu kajian himpunan bersistematik terhadap penyelidikan lepas yang merangkumi dua aspek ini dirasakan perlu dilakukan. Penghimpunan penyelidikan lepas dikumpul dan dianalisis dengan satu kaedah analisis Tinjauan Literatur Bersistematik diterjemahkan dari *Systematic Literature Review* (SLR). Pengaplikasian SLR dalam pengumpulan kajian lepas ini mampu menyerlahkan corak

perkembangan kajian daripada awal dialek Hulu Terengganu diterokai hingga kajian mengenainya yang terkini dengan jelas dan teratur.

Terdapat dua persoalan yang mengawal arah kajian ini iaitu apakah dapatan signifikan yang telah diperoleh oleh dalam kajian dialektologi sinkronik dan diakronik berkenaan dengan VHT? Dan adakah kajian dialektologi bandingan VHT mengalami perkembangan dalam penyelidikan? Bagi menjawab persoalan ini, dua objektif kajian perlu dipenuhi iaitu:

1. Mengenalpasti penemuan signifikan kajian dialektologi bandingan VHT.
2. Meneliti kronologi perkembangan penyelidikan dialektologi bandingan VHT.

Penggunaan kaedah SLR dalam memenuhi objektif kajian juga bertujuan untuk memudahkan proses pengisian ruang maklumat yang lompong secara kemas, teratur dan bersistematik.

## Metodologi kajian

Kajian ini menerapkan kaedah kualitatif dengan mengaplikasikan kaedah Tinjauan Literatur Bersistematik. SLR ialah kajian literatur berfokus yang bertujuan untuk menjawab persoalan penyelidikan tertentu dengan memanfaatkan kriteria kelayakan yang ditetapkan pada sesuatu dokumen dan menggunakan kaedah eksplisit serta boleh dihasilkan semula yang digariskan (Berrang et al., 2015). Selaras dengan takrifan ini, penggunaan SLR dalam penulisan ini adalah bertujuan untuk menganalisis kajian lepas secara sistematik dan tersusun bagi menyerlahkan permasalahan dan isu yang berkaitan dengan kajian dialek bandingan VHT. Kaedah ini bersesuaian dengan keperluan makalah ini yang mana memerlukan pemerhatian yang teliti terhadap kajian literatur lepas menyelusuri awal kemunculannya hingga masa kini. Oleh kerana kajian ini merupakan kajian yang berpaksikan bidang dialektologi historis dan geografi maka tempoh tahun penerbitan kajian lepas yang dikesan jauh kebelakang iaitu sejak zaman kolonial lagi iaitu pada tahun 1935 hingga kini. Kajian yang dijejaki pula berbentuk sumber bertulis seperti buku, artikel, jurnal dan tesis hasil penulisan sarjana- sarjana terdahulu.

Bagi memantapkan lagi kajian ini, penggunaan draf prosedur model *Preferred Reporting Items for Systematic Literature Reviews and Meta Analyses* (PRISMA). Model ini mempunyai 4 tahap saringan iaitu pengenalpastian (*identification*), penapisan (*screening*), kelayakan (*eligibility*) dan termasuk (*included*). Penerapan 4 tahap ini bertujuan untuk menilai kualiti sumber kajian lepas selain membantu memenuhi keperluan objektif kajian dialektologi bandingan VHT.

### *Pengenalpastian (Identification)*

Tahap ini merupakan tahap permulaan dalam prosedur PRISMA. Penggunaan pangkalan data dan kata kunci yang tepat memainkan peranan yang penting dalam proses ini. Penggunaan carian kata kunci ke dalam pangkalan data yang membenarkan pencarian secara sistematik dan berfokus ini mampu menyingkap sejauh mana perbincangan yang berkait dengan penggunaan kata kunci dalam kajian lepas. Academia dan Google Scholar dipilih sebagai enjin pencarian kerana pangkalan data ini tidak asing dengan penerbitan artikel berkisarkan dialek Melayu. SCORPUS pula dipilih kerana data sumbernya memiliki jurnal-jurnal berimpak tinggi. Kata kunci utama iaitu 'dialektologi bandingan', 'varian Hulu Terengganu', 'inovasi' dan 'retensi' dimasukkan kedalam pangkalan data bagi memudahkan proses mengakses carian bahan ilmiah berkaitan dan relevan. Kata kunci

utama ini seterusnya akan membawa kepada rentetan kata kunci lain yang berkongsi makna atau ciri yang sama bagi memastikan kesemua makalah berkait tidak terkecuali.

Oleh kerana, kajian VHT paling awal diterbitkan ialah pada tahun 1935 maka mungkin terdapat kajian yang tidak boleh diakses oleh pangkalan data digital. Baker & Weeks (2014) menyarankan untuk meluaskan pencarian data dengan melihat rujukan dalam kajian lepas yang diperoleh melalui enjin carian pangkalan data. Kajian literatur yang dipilih melalui teknik yang juga dikenali sebagai *snowballing* dalam kajian Hayrol Azril Mohamed Shaffril et al. (2018) dimasukkan dalam kategori sumber lain dalam rajah model PRISMA. Begitu juga halnya dengan kajian yang belum diterbitkan. Owen (2021) menyatakan penting untuk memasukkan sumber ilmiah yang belum terbit kerana bahan ini berpotensi untuk menjadi bahan yang relevan. Berdasarkan pandangan ini, kajian ini memilih untuk memasukkan beberapa kajian belum terbit berkait yang ditemui dari senarai rujukan kajian lepas.

**Jadual 1.** Penggunaan rentetan kata kunci dalam pangkalan data dan jumlah kajian

Sumber ilmiah	Kata kunci	Jumlah
Scopus	Title-Abs-Key (("dialectology*" OR "dialectology comparative*" OR "phonology*" OR "linguistic*" AND "terengganu" OR "malay dialect*" OR "malay penisular*")	34
Academia	"dialektologi", "fonologi", "dialek Hulu Terengganu"	57
Google Scholar	("dialektologi bandingan" OR "komparatif" OR "diakronik" OR "dialektologi" OR "fonologi" OR "leksikal" AND "dialek Hulu Terengganu" OR "dialek melayu" OR varian Terengganu" AND "inovasi" OR "retensi")	108
Rujukan kajian lepas	Tidak berkait	16

### *Penapisan (screening)*


Tahap penapisan dilakukan bertujuan untuk menyaring bahan-bahan yang tidak berkait dengan kata kunci. Proses ini dilakukan secara automatik dengan bantuan pangkalan data yang digunakan. Ketiga-tiga pangkalan data mempunyai tetapan kriteria untuk membataskan carian kajian seperti jarak tahun penerbitan, jenis bidang, jenis bahasa, dan jenis bahan penerbitan. Bagi bahan dari sumber rujukan pula disaring secara manual dengan berfokus kepada tajuk, abstrak dan metodologi kajian.

### *Kelayakan (eligibility)*

Bahan yang dipilih selanjutnya dibawa ke peringkat penilaian kualiti untuk menentukan kelayakan berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan. Menurut Hayrol Azril Mohamed Shaffril et al. (2021) pemilihan bahan literatur pada tahap ini perlu dilakukan secara manual untuk meminimalkan kekurangan kajian yang ditapis oleh pangkalan data. Penyelidikan lepas diperiksa secara teliti dan dibaca penuh daripada awal hingga bahagian kesimpulan. Hal ini adalah untuk memastikan kajian yang dipilih relevan dengan kata kunci dan kehendak objektif kajian. Dengan kata lain hanya kosa ilmu yang mempunyai ikatan isu yang signifikan serta layak sahaja dipilih sebagai sumber literatur untuk dianalisis pada dapatan kajian. Hasil daripada pemeriksaan terperinci ini, hanya 18 kajian yang layak dianalisis dalam penyelidikan ini.

### Termasuk (Included)

Kesemua 18 bahan ilmiah yang telah berjaya melepasi ketiga-tiga prosedur PRISMA ini memenuhi syarat dan sesuai untuk dianalisis. Kaedah Tinjauan Literatur Bersistematik seterusnya diberi perhatian pada tiga bahagian penting iaitu konteks kajian, metod dan dapatan kajian yang mana dibincangkan secara tersusun mengikut aturan tahun dan tema. Pembahagian ini dilakukan adalah untuk membantu mencapai objektif dan matlamat kajian. Kesemua tahap proses pemilihan kajian lepas mengikut tahap juga diringkas dengan padat menggunakan rajah model PRISMA dibawah. Model PRISMA ini diadaptasi daripada Moher (2013) dan diolah bersesuaian dengan kajian ini (Rajah 1).



Sumber: Moher, 2013

Rajah 1. Model PRISMA

### Pengekstrakan dan sintesis data

Setelah lengkap kesemua proses penyaringan, data kemudiannya diekstrak dengan membahagikan kajian yang terpilih mengikut pecahan katogeri konteks, metode dan dapatan. Penjadualan kajian

lepas merupakan satu elemen penting dalam SLR. Kaedah penjadualan ini membantu para penyelidik mensintesis dan menganalisis kajian lepas secara berpusat dan sistematik. Kaedah ini mampu memberi gambaran jelas tentang isu dan corak perkembangan kajian yang dibawa oleh penyelidik terdahulu. Setelah itu barulah penyelidik mengenalpasti tema data yang terbentuk hasil daripada penganalisan data secara tematik.

## Hasil kajian

Sebanyak empat tema utama daripada 18 buah kajian literatur yang telah dikenalpasti hasil daripada analisis menggunakan kaedah SLR. Tema tersebut ialah VHT sebagai satu kajian dialektologi deskriptif, VHT sebagai data kajian pemetaan GIS, VHT sebagai data perbandingan diakronik antardialek Hulu Semenanjung Timur dan VHT dari sudut kajian disiplin linguistik berbeza. Pembentukan tema terhasil berdasarkan persamaan ciri yang dikongsi melalui konteks penulisan, metode dan dapatan kajian. Kesemua tema ini diwujudkan bagi memenuhi keperluan objektif kajian ini.

### *Varian Hulu Terengganu sebagai satu kajian dialektologi deskriptif*

Tema VHT sebagai satu kajian dialektologi deskriptif mencakupi skop kajian dialektologi sinkronik dan diakronik yang bersifat tinjauan dan bersifat deskriptif. Penyelidikan deskriptif mempunyai matlamat untuk menggambarkan sesuatu fenomena dan ciri-cirinya. Penyelidikan ini juga mementingkan faktor 'apa' daripada 'bagaimana' dan 'mengapa' sesuatu perkara itu terjadi. (Nassaji, 2015) Terdapat sebanyak 9 penerbitan yang dikumpulkan dibawah tema ini.

Jadual 2 membuktikan kelainan VHT telah diakui oleh ramai sarjana lepas. Bermula dengan kajian Brown (1935) yang menyatakan terdapat unsur tua dalam varian ini dan menyatakan varian ini berbeza dengan varian dialek Terengganu yang lainnya, pertuturan VHT semakin menarik minat ahli dialektologi untuk meneliti dengan lebih lanjut. Pendeskripsian konsonan, vokal dan perubahan fonologi antara unsur linguistik yang diberi perhatian. Unsur tersebut membawa kepada beberapa penemuan signifikan yang membentuk ciri khas VHT.

Penemuan kehadiran diftong antara ciri awal yang dikenalpasti Abdullah Junus (1976) mendapati penggunaan diftong hanya terhad kepada diftong menaik [ei] dan [ae] sahaja dalam dialek Ulu Telemong. Naseh (1981) kemudiannya mendapati hanya diftong diagonal dituturkan dalam varian Mukim Jenagor. Asmah (1985) pula berpendapat varian Hulu Telemong tidak mempunyai diftong pada lingkungan akhir kata. Collins (1986) menyatakan proses diftongisasi vokal tinggi yang berlaku dalam VHT membezakannya dengan dialek lain di semenanjung. Penelitian diftong diteruskan oleh Collins (1996) yang mendapati terdapat inovasi fonetik iaitu diftongisasi vokal tinggi dan diftong penyempitan pada vokal tinggi akhir kata dalam varian ini. Dapatan mengenai pengekal fonem Malayik purba (MP) pada vokal tinggi \*i dan \*u pada VHT ditemui dalam kajian awal Collins & Naseh (1981) seterusnya dikaji dengan lanjut dalam kajian Collins (1983) dan Collins (1986). Kajian-kajian ini berjaya membuktikan pengekal vokal tinggi ini berlaku bukan daripada perpisahan fonemik kerana VHT tidak pernah mengalami perubahan tersebut. Retensi ini dilihat berlaku sekitar kawasan perairan sungai Terengganu dari Kuala Telemong ke hulu.

**Jadual 2.** Koleksi literatur dibawah tema varian Hulu Terengganu sebagai satu kajian dialektologi deskriptif

<b>Kajian</b>	<b>Konteks penulisan</b>	<b>Metode</b>	<b>Dapatan</b>
Cc Brown (1935)	Terbitan kajian terawal mengenai dialek Hulu Terengganu. Kajian ini membincangkan ciri-ciri umum varian di Hulu Terengganu dan menyelitkan dialog percakapan penutur mengikut katagori tertentu.	kajian lapangan,	Percakapan penutur di Ulu Terengganu menunjukkan kontra yang jelas dengan varian lain bukan sahaja pada sebutan malah juga dalam aspek diksi.
Abdullah Junus (1976)	Penyelidikan sinkronik yang menyorot pertuturan dialek Ulu Telemong yang berfokus kepada penghuraian proses fonologi, ciri-ciri prosodi dan leksikal.	Kualitatif, kajian lapangan	Hanya terdapat diftong regional menaik sahaja dalam dialek ini. Manakala diftong [ai] dan [au] ditanda sebagai tidak hadir. Selain itu, hanya konsonan [ʔ], [ŋ] dan [h] sahaja yang menduduki posisi akhir kata.
Naseh Hassan (1981)	Kajian fonologi deskriptif yang berfokus kepada mukim Jenagor. Mendeskripsi konsonan dan vokal yang digunakan serta proses fonologi yang berlaku selain menjelaskan ciri-ciri morfo(fo)nologi.	Kualitatif, Kajian lapangan	Subdialek Mukim Jenagor tidak mempunyai konsonan plosif, frikatif, afrikat dan lateral di akhir kata. digantikan dengan geseran glotis dan nasal velar. Diftong diagonal boleh berlaku dengan cara satu hala iaitu dari region depan ke region belakang [aɔ].
Collins & Naseh, (1981)	Perbincangan secara sepintas lalu dan kesimpulan awal tentang ragam tulisan lampau dialek Hulu Terengganu bersama perubahan fonologi dan pemetaan ringkas.	Kualitatif, Kajian lapangan	Mempunyai persamaan diftongisasi vokal tinggi suku akhir dengan dialek Melayu Kerinci.
Collins (1983)	Pengenalan kepada ciri-ciri dialek Hulu Terengganu yang merangkumi perihal tulisan lampau tentang ragam bahasa di Hulu Terengganu, dan pemetaan dialek Hulu Terengganu.	Kualitatif, kajian lapangan	Hasil kajian ini mendapati terdapat retensi *i dan *u dalam suku praakhir dan retensi tatabunyi kuno pada akhir kata. Penambahan konsonan sekatan dan kewujudan diftongisasi nasal vokal tinggi pada akhir kata dikenalpasti sebagai inovasi.
Asmah Haji omar (1985)	Perbincangan mengenai bahasa dalam konteks geografi dan kekeluargaan. Kajian ini juga menjelaskan dialek - dialek Melayu termasuklah dialek Melayu Terengganu merangkumi sistem vokal dan konsonan, dan Perubahan fonologi yang berlaku.	Kualitatif, Kajian lapangan.	Subdialek Hulu Terengganu Telemong tidak mempunyai diftong dan mempunyai gejala pemanjangan konsonan terutamanya pada lingkungan awal kata.
Collins (1986)	Penelitian deskriptif pada tahap permulaan tentang ciri fonologi dan morfologi Bahasa Melayu Induk.	Kualitatif, kajian lapangan	Empat dialek Melayu iaitu dialek Melayu Hulu Terengganu, dialek Melayu Urak Lawoi, dialek Melayu Bacan dan dialek Melayu Kedah dilihat mengekalkan vokal tinggi praakhir.

Collins (1996)	Perbahaan deskriptif seimbas lalu tentang fenomena diftongisasi dialek Ulu Terengganu.	Kualitatif, Kajian lapangan	Dialek Ulu Terengganu mempunyai proses diftongisasi vokal tinggi pada suku akhir dan diftong penyempitan. Berlaku juga penambahan sekatan dan konsonan sengau pada akhir kata.
Shahidi A.H et.al (2019)	Pemerian deskriptif yang memerihalkan kata ganti nama diri KGND 1, KGND 2 dan KGND 3 subdialek Ulu Berang dan menerangkan fungsi penggunaan, keistimewaan leksikal terbabit.	Kualitatif & kajian lapangan	Subdialek Ulu Berang mempunyai 7 leksikal KGND yang digunakan oleh penutur. KGND 1 (aku [akəʔ], saya [sajɛ], kita [kite]) KGND 2 (kamu [məŋ], kamu semua [mumi]) KGND3 (dia [dijɛ], mereka [dimi].)

Keadaan konsonan dalam lingkungan akhir pada leksikal juga diberi perhatian oleh sarjana lepas. Hasil penyelidikan yang ditemui menunjukkan perbezaan yang ketara dengan dialek Terengganu Standard. Selain kehadiran konsonan [ʔ], [ŋ] dan [h] pada akhir kata yang dicatatkan oleh Abdullah Junus (1976), terdapat penokokan sekatan dan tambahan konsonan nasal di akhir kata pada leksikal suku kata terbuka yang ditemui oleh Collins (1981). Perkara ini juga disedari oleh Asmah (1985) namun penambahan sekatan dirujuk sebagai /q/ sementara Collins (1983) menandai unsur ini dengan penanda *diacritical* [k<sup>x</sup>] dan [k] dan Collins (1996) merujuk kepada hentian glotis [ʔ] khusus kepada penokokan sekatan dalam varian Kg Matang.

Penyelidikan deskriptif terkini dihasilkan oleh Shahidi et.al (2019) mendapati tujuh variasi leksikal kata ganti nama diri yang dituturkan pada varian Ulu Berang tidak boleh digunakan dengan sewenang-wenangnya kerana terikat dengan hubungan antara penutur dan pendengar. Dapatan dalam kajian deskriptif yang dikumpulkan dalam tema kajian ini meskipun masih berada dalam peringkat pengenalan, telah meninggalkan dapatan penting yang membantu menjejaki perbezaan unsur kebahasaan yang terdapat dalam VHT.

### *Varian Hulu Terengganu sebagai data kajian pemetaan GIS*

Penelitian penyelidikan tema sebelumnya membawa kepada tema yang kedua iaitu VHT sebagai data kajian pemetaan. GIS merupakan singkatan kepada *Geographic Information System* yang membawa konsep sebagai satu kalkulator atau mesin kira kepada proses pemetaan (Rosmadi Fauzi, 2015). GIS dalam kajian dialek pula dianggap sebagai satu perisian yang membantu melakarkan garis isogloss dengan lebih tepat dan saintifik (Nor Hashimah Jalaludin et al., 2021). Dalam menyelidik kajian dialektologi bandingan, maklumat saintifik tentang pemetaan varian sangat membantu untuk melihat penyebaran varian dan menyelusuri varian turunan. Mahsun (1995) menyatakan antara usaha-usaha kajian diakronik ialah membuat penelusuran pengaruh antardialek atau subdialek bahasa yang diteliti serta faktor persebaran geografisnya. Tema ini mengumpulkan sebanyak tiga kajian yang memanfaatkan perisian terkini dalam kajian dialektologi geografi VHT.

Terdapat beberapa penemuan yang telah dikenalpasti dari makalah dibawah tema ini. Shahidi et al. (2020) menemukan sebanyak 6 varian leksikal kata ganti nama yang dituturkan di Hulu Terengganu iaitu varian Butut, varian Pauh, varian Bidur, varian Kuala Pueh, varian Jenagor dan varian Basong. Kajian ini menyatakan bahawa VHT tidak menerima sebarang pengaruh luar seperti dialek Melayu Pahang, dialek Melayu Kelantan dan dialek Melayu Perak. Hashimah Jalaludin (2021) turut meneliti penyebaran kata ganti nama VHT. Berbeza dengan kajian Shahidi



et al. (2020), kajian ini membandingkan VHT dengan dialek Melayu Terengganu dan dialek Kelantan untuk melihat perbezaan varian yang dituturkan. Kajian ini pula mengandaikan bahawa VHT mempunyai hubungan sejarawi dengan dialek Melayu Johor dan dialek Melayu Perak. Penelitian ini sekaligus dapat menjadi sandaran kepada penelitian sebelumnya khususnya kajian variasi leksikal kata ganti nama Shahidi et al. (2019) dan berupaya menjawab persoalan berkenaan pengaruh dialek Perak yang diusulkan oleh Collins (1983) dan Brown (1935).

Kajian bersama perisian GIS diteruskan lagi oleh Hashimah Jalaludin et al. (2021) dengan menyoroti kajian dari 30 tahun yang lepas. Beberapa ciri signifikan VHT yang telah ditemui melalui kajian ini iaitu berlaku proses pengguguran pada data likuida diikuti dengan proses diftongisasi. Selain diftongisasi suku kata terbuka yang ditemui oleh Collins (1983), kajian ini juga mendapati proses diftongisasi boleh terjadi pada suku kata tertutup. Selain itu, terdapat juga satu lagi variasi kata ganti nama diri pertama yang masih belum dicatatkan oleh ahli dialektologi terdahulu iaitu /kamaŋ/. Kajian-kajian dalam tema ini membuktikan penggunaan GIS telah berupaya untuk menambahbaik pemetaan isoglos dalam kajian VHT dan memberikan input baharu terhadap proses fonologi yang berlaku.

**Jadual 3.** Koleksi literatur dalam tema varian Hulu Terengganu sebagai data kajian pemetaan GIS

Kajian	Konteks penulisan	Metode	Dapatan
Shahidi A.H et.al (2020)	Perbincangan mengenai variasi leksikal kata ganti nama dialek Melayu Terengganu menyelusuri Lembangan Sungai Terengganu (LST) dengan memanfaatkan sistem maklumat geografi,	Kualitatif, kajian lapangan, GIS	Terdapat 8 varian leksikal kata ganti nama yang dikenalpasti di Kawasan LST dan 6 daripadanya merupakan varian yang dituturkan di Hulu Terengganu.
Nor Hashimah Jalaluddin (2021)	Perbincangan tentang kronologi pembaharuan yang berlaku dalam penyelidikan dialektologi. 4 perkara yang diberi perhatian iaitu isoglos baharu, pengaruh persempadanan, leksikografi dan taburan kata ganti nama.	Kualitatif, kajian lapangan, GIS	KGN Dialek Hulu Terengganu mempunyai diftong seperti [akaw], berbeza dengan dengan KGN dialek pesisir pantai dan dialek Kelantan. KGN 2 DHT mengesahkan adanya hubungan erat dengan dialek Perak.
Nor Hashimah Jalaludin et.al (2021)	Penyelidikan yang berfokus kepada pemerhatian semula ciri-ciri fonologi dialek Melayu Terengganu, menghasilkan peta isoglos dialek Melayu Terengganu dan penambahbaik kajian lepas.	Kualitatif, Kajian lapangan, GIS	Terdapat pengguguran likuida sebelum proses diftongisasi lanjutan suku kata tertutup dan penambahan pada kata nama /kamaŋ/.

*Varian Hulu Terengganu sebagai data perbandingan diakronik antardialek Hulu Semenanjung Timur*

Koleksi kajian yang dihasilkan oleh Mohd Tarmizi Hasrah boleh dikelompokkan dalam satu tema khas kerana kajian yang dihasilkan oleh beliau lebih tertumpu usaha menjejaki hubungan antara dialek Hulu Semenanjung Timur. Usaha ini selaras dengan upaya penyelidikan diakronik yang dicadangkan oleh Mahsun (1995) yang menyatakan pengkaji dialek perlu membuat penelusuran saling hubungan unsur kebahasaan yang berbeza di antara dialek yang diteliti. Sebanyak tiga makalah dikenalpasti yang layak dikelompokkan di dalam tema ini.

**Jadual 4.** Koleksi literatur dibawah tema varian Hulu Terengganu sebagai data perbandingan antardialek Hulu Semenanjung Timur

Kajian	Konteks penulisan	Metode	Dapatan
Mohd Tarmizi Hasrah et.al (2013)	Perbincangan inovasi dan retensi yang berlaku dalam dialek Hulu Tembeling (DHT). Dengan memanfaatkan kaedah bandingan. Gejala fonologi dalam Dialek Hulu Terengganu dijadikan rujukan.	Kualitatif, Kajian lapangan	Dialek Hulu Tembeling mempunyai retensi yang sama dengan dialek Hulu Terengganu iaitu pengekalan vokal tinggi *i dan *u pra akhir. DHT juga mempunyai inovasi monoftongisasi konsonantal
Mohd Tarmizi Hasrah (2018)	Kajian ini meneliti ciri fonetik dan fonologi untuk melihat persamaan serta perbezaan dialek Hulu dan Hilir Timur Semenanjung Malaysia. Data diambil dari 3 lembangan sungai iaitu lembangan sungai Kelantan, lembangan sungai Pahang dan lembangan sungai Terengganu.	Kualitatif, kajian lapangan	Dialek Hulu Terengganu memperlihatkan 3 ciri dialek Melayu Terengganu iaitu penyatuan vokal nasal akhir BMP, vokal BMP *a dalam urutan BMP *-ay berubah kepada [ɛ:] dan penyingkatan nasal homorgan. Terdapat lagi 3 ciri khas lain.
Mohd Tarmizi Hasrah (2020)	Penyelidikan diakronik ini melihat ciri fonologi serta membandingkannya dengan dialek Melayu Purba dan hubungan dialek Pasir Raja dengan dialek lain di Terengganu.	Kualitatif, Kajian lapangan	bukti keakraban dengan dialek Hulu Terengganu iaitu realisasi [a*] ke [ɛ], struktur nasal homogenik dan retensi vokal tinggi pada suku kata pra akhir.

Dialek Hulu Semenanjung Timur (DHST) menurut Mohd Tarmizi Hasrah (2019) dialek perantara ini dianggap sebagai induk kepada semua dialek hulu yang terdapat di pantai timur Semenanjung Malaysia. DHST melibatkan dialek Hulu Terengganu, dialek Hulu Tembeling, dialek Pasir Raja dialek Hulu Kelantan dan dialek Hulu Pahang. Usaha penerokaan dialek Hulu Semenanjung Timur dihasilkan oleh Mohd Tarmizi Hasrah (2018). Dalam kajian ini beliau mendapati terdapat sembilan ciri VHT. Tiga ciri daripadanya boleh didapati pada dialek Melayu Terengganu dan enam lagi merupakan ciri khas VHT yang membezakan varian ini dengan dialek Melayu Terengganu. Ciri khas yang ditemui dalam kajian ini sama dengan ciri yang diteliti oleh Collins (1983). Perbezaan ciri ini menjadi alasan yang kukuh untuk memisahkan dialek hulu dan hilir dialek Terengganu. Enam ciri ini juga menjadi rujukan dalam mengenalpasti sama ada sesuatu dialek hulu yang dikaji terangkum dalam DHST atau tidak.

Perbandingan antara dialek yang memanfaatkan unsur kebahasaan yang berlaku dalam DHST juga dapat dilihat dalam kajian Mohd Tarmizi Hasrah et al. (2013), Mohd Tarmizi Hasrah (2018, 2020) Dalam kajian Mohd Tarmizi Hasrah et al. (2013), beliau membuat pengelompokan tentatif terhadap dialek Hulu Tembeling dengan dialek Hulu Terengganu dalam satu kelompok khas. Selain daripada unsur bukan linguistik seperti permukaan geografi dan sejarah memainkan peranan, kajian ini juga menemukan bukti kukuh dari sudut kebahasaan.

Perbandingan data VHT dengan dialek Hulu Tembeling menemukan satu ciri inovasi dan retensi yang sama yang juga dikenali sebagai ciri sewilayah. VHT dan dialek Hulu Tembeling melalui inovasi proses diftongisasi lanjutan dan mempunyai pengekalan retensi vokal tinggi \*i dan \*u di di suku pra akhir kata dan awal kata. Penemuan ini menunjukkan VHT mempunyai hubungan yang lebih rapat dengan dialek Hulu tembeling berbanding Dialek Terengganu pesisir. Ciri retensi dan inovasi ini juga menjadi bukti hubungan dialek Pasir raja dengan VHT. Hal ini dicatat dalam

kajian Mohd Tarmizi Hasrah (2020). Kajian ini juga menemukan satu lagi gejala inovasi khas yang dikongsi antara dua dialek ini iaitu terdapat realisasi \*a kepada [ɛ] pada akhir kata.

Uniknya, ciri di atas juga yang menyatukan satu lagi dialek hulu iaitu dialek hulu Pahang dengan VHT dan dikelompokkan dalam DHST. Ciri retensi dan inovasi yang ditemui dalam dialek Hulu Pahang dalam kajian Mohd Tarmizi Hasrah et al. (2014) menjadi bukti hubungan diantara kedua-dua dialek ini dengan DHST yang lain. Namun begitu kajian tersebut tidak dimasukkan kedalam tema ini kerana kajian tersebut merupakan kajian rekonstruksi internal antara varian dalam dialek Hulu Pahang dan tidak melibatkan VHT sebagai data perbandingan. Koleksi kajian yang dihasilkan oleh Mohd Tarmizi Hasrah merupakan kajian bersifat diakronik. Meskipun kajian-kajian ini tidak berfokus dan khusus terhadap VHT tetapi masih boleh dijadikan sebagai rujukan bagi kajian tentang pengelompokan dialek Melayu Semenanjung Timur.

#### *Varian Hulu Terengganu dari sudut cabang disiplin linguistik berbeza*

Perbezaan cabang linguistik tidak menandakan sesuatu kajian tersebut tidak boleh digunapakai. Dalam mengkaji ilmu linguistik bandingan, semua informasi dibawah pohon linguistik boleh menjadi tambahan maklumat penting sekaligus membantu proses penulisan penyelidikan. Mahsun (1995) menyatakan dialektologi sendiri tertumpu kepada konsep-konsep yang dikembangkan oleh ilmu linguistik. Selaras dengan pernyataan ini, satu tema baharu iaitu VHT dari sudut cabang disiplin linguistik berbeza telah muncul. Tema ini mengandungi tiga kajian yang berjaya dikenalpasti melalui analisis literatur bersistematik.

Ketiga-tiga kajian ini merupakan kajian yang menyelidiki VHT yang berfokus kepada subdisiplin linguistik yang lain selain bidang dialektologi. Beberapa dapatan dalam kajian Nasrun dan Collins (2017) yang menunjukkan adanya ciri morfologi khas VHT yang membezakannya dengan dialek Melayu Standard. Pembentukan kata dalam VHT sendiri berbeza sifatnya iaitu derivasi. Selain itu, pengimbuhan yang berlaku dalam VHT dilihat terhad berbanding dialek Melayu Standard. Kajian ini juga mengutarakan kebimbangan terhadap penyusutan penutur natif VHT dalam kalangan masyarakat setempat yang akan menyebabkan berlakunya kepupusan varian tersebut. Kebimbangan ini juga dicatat dalam kajian analisis fonetik (Nor Adlyizan & Azreen Sofea, 2019). Buktinya, terdapat beberapa peralihan fonem vokal yang dikesan menunjukkan pertuturan dialek Melayu Terengganu mempengaruhi VHT dalam kalangan golongan muda.

Penganalisan fonetik akustik terhadap monoftong yang terdapat dalam VHT (Siti Nadiah Nuwawi, 2020) menunjukkan terdapat beberapa persamaan dan perbezaan dengan kajian lepas. Fonem vokal yang dijumpai dalam kajian ini dengan /i/, /a/ dan /ə/ sama dalam kajian Abdullah (1977) dan /e/ seperti yang ditemukan oleh Naseh (1981). Persamaan ini memperkukuhkan lagi kehadiran vokal ini dalam VHT. Namun terdapat 5 vokal yang menunjukkan perbezaan kualiti penyebutan seperti mana ditemui oleh Abdullah (1977). Sebagai contoh bunyi the /æ/ disebut sama seperti /a/, dan kedudukan /e/ yang dianggap sebagai vokal depan separuh luas dibaiki dengan vokal depan separuh sempit.

**Jadual 5.** Koleksi literatur dibawah tema varian Hulu Terengganu dari sudut cabang disiplin linguistik berbeza

<b>Kajian</b>	<b>Konteks penulisan</b>	<b>Metode</b>	<b>Dapatan</b>
Nasrun & Collins (2017)	Kajian bersifat tinjauan awal terhadap faktor kekurangan pertuturan, kepupusan dan rasa rendah diri penutur dialek Ulu masyarakatnya. Selain itu, kajian	Kualitatif, Kajian lapangan	Pembentukan kata dialek Ulu Terengganu terdiri daripada proses pemajmukkan, pengimbuhan yang minimal dan reduplikasi. Faktor penghijrahan

	ini membincangkan aspek morfologi.		dan sikap generasi muda penutur menjadi punca kepupusan dialek
Nor Adlyizan & Azreen Sofea (2019)	Penyelidikan yang tertumpu kepada perubahan fonetik yang berlaku dalam peralihan dialek Hulu Terengganu ke dialek Terengganu oleh pelajar Sekolah Menengah Tengku Ampuan Intan, Kuala Berang.	Kualitatif, Kajian lapangan	Peralihan dialek Hulu Terengganu berlaku kerana faktor persekitaran dan pendidikan. Perubahan fonetik DHT ke DT yang dikenapasti berlaku pada vokal [ɛ] ke [ə], vokal [i] ke [ɛ] dan [u] ke [ɔ].
Siti Nadiyah Nuwawi. (2020)	Penyelidikan analisis fonetik akustik yang tertumpu kepada kehadiran monoftong dialek Hulu Terengganu.	Kajian lapangan	Terdapat 6 jenis monoftong yang telah dikenalpasti. Beberapa fonem vokal didapati berbeza klasifikasinya dengan fonem vokal yang ditemui kajian lepas

### *Kronologi perkembangan penyelidikan dialektologi sinkronik dan diakronik varian Hulu Terengganu*

Dapatan dalam jadual-jadual diatas mengesahkan kajian dialektologi merupakan kajian terbanyak dan giat dihasilkan sarjana lepas berbanding disiplin linguistik lain. VHT aktif dijadikan data kajian khususnya pada tahun 70-an meskipun kebanyakan kajian berstatus tinjauan awal. Kajian Brown (1935) boleh dikatakan kajian asas dan menjadi rujukan terawal bagi kajian-kajian lain dalam meneliti dialek ini. Brown (1935) meneliti secara ringkas kriteria umum yang berlaku dalam varian ini serta mengumpulkan sebanyak lapan muka surat dialog pertuturan VHT. Kajian sinkronik deskriptif Abdullah Junus (1976) juga kajian permulaan bagi kajian fonologi generatif yang menggunakan data salah satu varian VHT iaitu varian Ulu Telemong. Pada tahun 70 an, VHT mula menginjak naik dalam rentetan kajian berstatus tinjauan awal yang dihasilkan oleh Collins (1981, 1983, 1986 dan 1996) dan kajian Asmah (1985). Namun perjuangan penyelidikan tentang varian ini dilihat seakan terhenti dari tahun 90-an. Mungkin ada kajian yang dihasilkan namun tidak direkodkan, dibukukan atau tertanggung yang menyebabkan kajian tersebut tidak mampu dijejaki oleh radar kaedah SLR. Namun tidak dapat dinafikan tempoh jarak diantara kajian-kajian lepas dilihat janggal kerana agak lama.

Pengabaian terhadap persoalan yang ditinggalkan oleh kajian tinjauan awal tidak disambut sehinggalah pada tahun 2013, Mohd Tarmizi Hasrah dan kumpulannya mula menggunakan data VHT sebagai data bandingan antardialek untuk mencari retensi dan inovasi yang berlaku dalam dialek Hulu Tembeling. VHT kembali dikaji secara berfokus oleh Nasrun & Collins (2017) dalam bidang kajian morfologi. Kajian yang masih dalam peringkat tinjauan ini juga menjadi kajian pertama yang mengkaji varian ini dari aspek morfologi selepas perbincangan ringkas dalam bahagian morfosintaksis VHT kajian Collins (1983)

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kajian mengenai VHT kembali menjadi perhatian sarjana-sarjana dari pelbagai subdisiplin linguistik. Shahidi et al. (2019) mula mengkaji tentang varian dan penggunaan leksikal kata nama dalam varian Ulu Nerus secara deskriptif. Mohd Tarmaizi Hasrah (2019) kemudiannya dilihat kembali meneliti kajian hulu dan hilir Semenanjung Timur dengan memanfaatkan VHT sebagai salah satu data kajian perbandingan antardialek dialek hulu semenanjung timur. Penulisan beliau diteruskan lagi dengan kajian dialek Pasir Raja pada tahun berikutnya dan menggunakan VHT sebagai rujukan retensi dan inovasi yang berlaku. Namun, kedua-dua kajian ini bukan kajian khusus kepada VHT kerana VHT hanya digunakan sebagai data yang dibandingkan dengan dialek utama.

Sejajar dengan pembaharuan teknologi, pemetaan penyebaran varian menggunakan aplikasi GIS semakin galak digunakan oleh ahli linguistik sinkronik tempatan dalam mengkaji dialek Melayu Terengganu. Menurut Ang Kean Hua (2015), pengguna GIS berkebolehan menjalankan satu analisis dengan menggunakan data yang ada dengan mencipta data baru. Ahli dialektologi melihat hal ini sebagai satu peluang untuk menggunakan data leksikal dan menciptakan satu pemetaan penyebaran leksikal dan pemetaan isogloss berdigital. Hal ini secara tidak langsung telah memberikan nafas baru kepada bidang dialektologi. Kehadiran teknologi pemetaan terkini mampu menambah baik kajian pemetaan dialektologi tradisional ke atas VHT. Misalnya kajian lanjutan dari kajian Shahidi et al. (2019) dan Shahidi et al. (2020) menghasilkan kajian yang tertumpu kepada persebaran varian kata ganti nama di kawasan lembangan sungai Terengganu dengan menggunakan kaedah GIS. Tidak kurang juga dengan kajian Nor Hashimah Jalaluddin (2021) yang mengaplikasikan GIS dalam meneliti inovasi yang berlaku dalam bidang dialektologi dan penyebaran kata ganti nama VHT antara data yang diberi tumpuan. Pada tahun yang sama, Nor Hashimah Jalaluddin menghasilkan satu lagi kajian yang menyoroti kajian dialek Terengganu selepas tiga dekad sekaligus telah menambahbaik dan menambah input kajian lepas.

Kronologi penelitian bidang dialektologi VHT menunjukkan bahawa adanya kesinambungan dalam perkembangan penelitian kajian-kajian lepas. Namun masih terdapat banyak persoalan mengenai VHT yang masih belum diterokai oleh ilmuan linguistik. Meskipun VHT diterokai kira-kira berpuluh tahun yang lalu, tetapi kajian yang dijalankan oleh Mohd Tarmizi Hasrah, Nor Hashimah Jalaluddin membuktikan keunikan varian ini masih utuh dan relevan dalam kalangan penutur yang berusia. Oleh kerana pengekalan ciri khas varian ini masih dibuktikan relevan, maka tiada halangan untuk para penyelidik seterusnya menjalankan kajian terhadap VHT. Namun, mereka perlulah segera bertindak kerana berdasarkan kajian yang dihasilkan oleh Nasrun dan Collins (2017) dan Nor Adlyizan dan Azreen Sofea (2019) pengaruh dialek Melayu Terengganu dan Bahasa Melayu Standard semakin meningkat dalam kalangan penutur bergenerasi muda.

## Perbincangan

Tema VHT sebagai satu kajian dialektologi deskriptif, VHT sebagai data kajian pemetaan GIS, VHT sebagai data perbandingan diakronik antardialek Hulu Semenanjung Timur dan VHT dari sudut kajian disiplin linguistik berbeza telah membantu memberikan maklumat yang diperlukan untuk mencapai objektif kajian. Berdasarkan himpunan literatur yang dianalisis secara sistematik ini, unsur linguistik khas yang mewakili VHT boleh disenaraikan kepada lapan iaitu:

1. VHT mempunyai pengekalan vokal tinggi \*i dan \*u di posisi praakhir dan awal kata (Collins, 1983; 1996; Mohd Tarmizi Hasrah et al. 2013; Mohd Tarmizi Hasrah, 2019; 2020)
2. VHT mengalami proses perubahan fonem \*a kepada [ɛ] pada akhir kata (Collins, 1983; Mohd Tarmizi Hasrah, 2020)
3. VHT mengalami proses diftongisasi penyempitan dan diftongisasi lanjutan pada suku kata terbuka dan tertutup (Collins, 1983; 1986; 1996; Mohd Tarmizi Hasrah et al., 2013; Nor Hashimah Jalaluddin, 2021).
4. VHT mengalami proses monoftogisasi konsonantal lanjutan daripada diftongisasi (Mohd Tarmizi Hasrah, 2013)
5. VHT mempunyai penokokan konsonan sekatan pada akhir kata (Collin, 1983; 1996; Asmah, 1985)

6. VHT mempunyai penambahan konsonan sengau di akhir kata (Collins, 1983; 1996; Mohd Tarmizi Hasrah, 2019)
7. VHT menggugurkan konsonan likuida pada suku kata tertutup sebelum memasuki proses diftongisasi (Nor Hashimah Jalaluddin et al., 2021)
8. VHT mempunyai sebanyak 6 varian kata ganti nama (Shahidi et al., 2019; Shahidi et al., 2020)

Pengestrakan unsur khas ini telah mengecualikan beberapa unsur VHT yang dikongsi dengan dialek Melayu Terengganu seperti penyatuan nasal pada akhir kata dan penyingkatan nasal homorgen. Pengecualian ini adalah untuk memudahkan proses klasifikasi dan identifikasi VHT. Bagi ciri unsur luar linguistik pula, VHT boleh disimpulkan bahawa varian ini lebih dekat dengan varian Hulu Semenanjung Timur iaitu dialek Hulu Tembeling, dialek Hulu Pahang dan dialek Pasir Raja, sebagaimana dalam kajian Mohd Tarmizi Hasrah et al. (2013) dan Mohd Tarmizi Hasrah (2019; 2020). Nor Hashimah Jalaluddin (2021) juga mengandaikan selain dialek Pasir Raja, VHT menerima pengaruh luar iaitu dari dialek Pahang dan Perak jika dinilai dari segi faktor sejarawi.

Meskipun begitu terdapat kontras pendapat dari segi pengaruh dialek luar pada VHT dari kajian Shahidi et al. (2020) yang tidak menemukan pengaruh luar dalam kajiannya. Kontras ini mungkin berlaku kerana tumpuan kajian Shahidi et al. (2020) lebih tertumpu kepada bentuk geografi dan leksikal. Terdapat juga beberapa kelompongan yang dikenali seperti kelainan penggunaan simbol IPA yang digunakan dalam kajian Asmah (1985) dan Collins (1983; 1996). Hal ini menyebabkan sukar untuk memahami kandungan penelitian biarpun kedua-dua kajian membahaskan isu yang serupa. Selain itu, kebanyakan kajian dialektologi masih berada di peringkat pengenalan, tinjauan dan peringkat awal. Persoalan mengenai fonem purba VHT juga masih belum terjawab kerana kajian dialektologi bandingan yang bertanggungjawab merekonstruksi VHT dengan MP juga masih belum kelihatan.

Hakikatnya, memang tidak dapat dinafikan akan kewujudan perkembangan dan penambahbaikan sejak period awal penyelidikan tentang VHT. Namun demikian, kebanyakan kajian yang diusahakan ternyata lebih cenderung kepada kajian sinkronik dan pemetaan sama ada pemetaan tradisional mahupun pemetaan GIS. Kajian Collins (1983), meskipun memperlihatkan terdapatnya retensi dan inovasi dalam VHT namun ternyata tidak bersandarkan pendekatan rekonstruksi yang utuh. Begitu juga halnya dengan semua kajian Mohd Tarmizi Hasrah yang menggunakan VHT hanya sebagai data rujukan dan perbandingan dengan dialek Hulu Semenanjung Timur yang lain. Maka, satu kajian baharu bersama rangka rekonstruksi yang mantap perlu dihasilkan untuk menyelusuri unsur linguistik yang berlaku dalam varian ini. Kaedah rekonstruksi dan klasifikasi merupakan langkah segera yang perlu dijalankan oleh para sarjana dalam bidang dialektologi bandingan bagi mendapatkan fonem purba dalam sesuatu bahasa yang dikaji. Penghasilan penyelidikan dialektologi bandingan terhadap VHT sangat perlu dihasilkan dengan lebih giat dan tuntas oleh para ilmuan linguistik agar dapat memperdalamkan dan memperluaskan lagi sorotan tentang VHT di samping memperkukuhkan lagi khazanah kosa ilmu bidang ini.

## **Kesimpulan**

Kaedah Tinjauan Literatur Bersistematik sepertimana yang dipersembahkan dalam makalah ini mampu memberi impak positif dalam konteks pemerian kosa ilmu penyelidikan lepas VHT. Tinjauan Literatur Bersistematik bukan sahaja membolehkan para penyelidik mengenalpasti

keujudan dapatan hasil pemerian sinkronik serta diakronik VHT yang diserlahkan secara sistematik dan teratur, ia bahkan turut menyerlahkan perkembangan penghasilan kajian berkaitan varian di Terengganu secara menyeluruh, i.e meliputi penerbitan yang terawal hingga yang terkini.

Melalui kaedah Tinjauan Literatur Bersistematik ini juga data koleksi literatur yang dibincangkan berdasarkan tema ternyata berjaya melengkapkan kedua-dua objektif kajian. Penulisan yang menghimpunkan kajian-kajian lepas tentang VHT secara sistematik sangat vital bukan sahaja dalam konteks membantu menambah proses rujukan sebagai sumber sekunder kajian akan datang, malah ia menjadi signifikan sebagai salah satu usaha pemeliharaan khazanah maklumat dalam sumber literatur agar tidak hilang dan disisihkan.

Namun demikian, penulis berpandangan bahawa usaha penulisan dan penyelidikan dialektologi diakronik VHT masih berada pada kedudukan kurang memuaskan. Ini kerana, masih terdapat banyak lagi persoalan yang belum ternoktah misalnya, sejauhmanakah keterikatan atau keterkaitan hubungan VHT dan dialek hulu di kawasan lembangan di timur semenanjung Malaysia? Adakah unsur linguistik yang sedia ada sudah kukuh untuk memisahkan VHT dari dialek Melayu Terengganu? Persoalan-persoalan sebeginilah yang masih memerlukan jawapan yang tuntas dan menyeluruh di bawah merangka kajian dialektologi. Untuk menjawab persoalan ini, pengkaji dialek akan datang haruslah merekonstruksi fonem purba VHT dengan memanfaatkan rangka rekonstruksi yang utuh dan sudah mantap seperti yang diperkenalkan oleh Crowley (1997) atau Fox (1995). Usaha seperti ini sekaligus membantu menambah bahan literatur baharu dalam dunia penyelidikan dialek Terengganu. Kajian melalui kaedah Tinjauan Literatur Bersistematik, justeru, diyakini mampu memberi sumbangan penting dan bukti penemuan baharu dalam dunia dialektologi bandingan dialek Melayu.

## Penghargaan

Penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi, Malaysia atas sumbangan dana penyelidikan di bawah skim Fundamental Research Grant Scheme (Kod: FRGS/1/2022/SSI09/UKM/02/16).

## Rujukan

- Abdullah Junus. (1976). *Dialek Ulu Telemong: Satu huraian fonologi dan leksikal* (Latihan Ilmiah tidak terbit dissertation). Retrieved from Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Ang Kean Hua. (2015). Sistem Informasi Geografi (GIS): Pengenalan kepada perspektif komputer. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 11(1), 24-31.
- Asmah Hj. Omar. (1985). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Baker K. A., & Weeks S. M. 2014. An overview of systematic review. *J Perianesth. Nurs.*, 29(6), 454-458. <https://doi:10.1016/j.jopan.2014.07.002>
- Berrang-Ford, L., Pearce, T., & Ford, J. D. (2015). Systematic review approaches for climate change adaptation research. *Reg. Environ. Change*, 15(5), 755–769.
- Brown, C. C. (1935). Trengganu Malay. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*. XIII(III), 1-111.
- Collins, J. T., & Naseh Hassan. (1981). Kajian Dialek Ulu Terengganu: Pemetaan dan Kesimpulan Awal, *Akademika*, 18, 1-35.

- Collins, James T. (1983). *Dialek Ulu Terengganu*. Bangi: Penerbit UKM.
- Collins, James T. (1986). *Antologi dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, James T. (1996). *Khazanah Dialek Melayu*. Bangi: Penerbit UKM.
- Crowley, Terry. (1997). *An Introduction to Historical Linguistic*. New York: Oxford University Press
- Fox, Anthony. (1995). *Linguistic Reconstruction an Introduction to Theory and Method*. New York: Oxford University Press
- Mahsun. (1995). *Dialektologi Diakronis sebuah pengantar*. Yogyakarta: Penerbitan Universiti Gadjah Mada.
- Mohd Tarmizi Hasrah, Rahim Aman & Shahidi A. H. (2013). Inovasi dan retensi dalam dialek Hulu Tembeling. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 13(3), 25-35. <https://doi.org/10.1007/s10113-014-0708-7>
- Mohd Tarmizi Hasrah, Rahim Aman dan Shahidi A. H. (2014). *Fosil dialek Melayu Hulu Pahang*. Bangi: Penerbit UKM.
- Mohd. Tarmizi Hasrah. (2018). Dialek Melayu Hulu Terengganu dan hilir di Semenanjung Malaysia. *Jurnal Bahasa*, 18(1), 65-102.
- Mohd. Tarmizi Hasrah. (2019). Penasalan vokal dalam dialek Melayu Hulu Pahang. *Jurnal Bahasa*, 19(2), 199-230.
- Mohd. Tarmizi Hasrah. (2020). Dialek Pasir Raja: Ciri Fonologi dan Pengelompokan. *Jurnal Bahasa*, 20(2), 173–202.
- Moher, D. (2013). Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta Analyses: The PRISMA Statement. *Annals of Internal Medicine*. <https://doi.org/10.7326/0003-4819-151-4-200908180-00135>.
- Mohamed Shaffril, H. A., Krauss, S. E., & Samsuddin, S. F. (2018). A systematic review on Asian's farmers' adaptation practices towards climate change. *Sci. Total Environ*, 644, 683–695.
- Mohamed Shaffril, H. A., Samsuddin, S. F., & Abu Samah. (2021). The ABC of systematic literature review: the basic methodological guidance for beginners. *Qual Quant*, 55, 1319–1346. <https://doi.org/10.1007/s11135-020-01059-6>
- Nassaji Hossein. (2015). Qualitative and descriptive research: Data type versus data analysis. *Language Teaching Research*, 19(2), 129–132.
- Nasrun Alias, & Collins, J. T. (2017). Pendokumentasian Dialek Ulu Terengganu sebagai wahana komunikasi: Satu Tinjauan Awal Aspek Morfologi. *Jurnal Melayu*, 436-457.
- Naseh Hasan. (1981). *Fonologi Subdialek Terengganu. Kajian Kes di Mukim Jenagor, Ulu Terengganu* (Latihan ilmiah yang tidak diterbitkan dissertation). Retrieved from Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Adlyizan, & Azreen Sofea. (2019). Peralihan Penggunaan Dialek Hulu Terengganu dalam Kalangan Muda: Satu Kajian Kes di Sekolah Menengah Tengku Ampuan Intan, Kuala Berang, Hulu Terengganu. *Prosiding The 14th Malaysian General Election (Ge14): A Study On Youth's Emotion And Expectation*. USIM. 100-114.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Siti Noraini Hamzah, & Harishon Radzi. (2020). *Dialektologi dan GIS*. Bangi: Penerbit UKM.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2021). Inovasi dalam Penyelidikan Dialektologi. *PENDETA*, 12(1), 35-53. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.fa.4.2021>
- Nor Hashimah Jalaluddin, Wan Athirah Adilah Wan Abdul Halim, & Harishon Radzi. (2021). Sorotan Dialek di Terengganu Selepas Tiga Dekad: Perspektif Geolinguistik. *GEMA*



- Online Journal of Language Studies*, 21(3), 77-102. <http://doi.org/10.17576/gema-2021-2103-05>
- Owens, J. K. (2021). Systematic reviews: Brief overview of methods, limitations, and resources. *Nurse author and editor*, 31, 3-4. 69-72. <https://doi.org/10.1111/nae2.28>
- Rosmadi Fauzi. (2015). Isu, cabaran dan prospek aplikasi dan pelaksanaan Sistem Maklumat Geografi di Malaysia: Satu pengamatan. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 11(2), 118-127.
- Shahidi, A. H., Mohamad Firdaus Azaharuddin, & Rahim Aman. (2019). Variasi Leksikal Ganti Nama Diri dalam Varian Ulu Berang. *Akademika*, 89(Isu Khas), 125-137.
- Shahidi, A. H., Mohamad Firdaus Azaharuddin, Rahim Aman, & Muhamad Syahmi Shabri. (2020). Pemetaan Isoglos Varian Dialek Terengganu Berasaskan Aplikasi Sistem Maklumat Geografi. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 16(4), 179-196.
- Siti Nadiah Nuwawi. (2020). *An acoustic study of the monophthongs of Ulu Terengganu Malay Dialect* (Unpublished Thesis dissertation). Retrieved from University of Malaya.